

46

TAJUK: KAJIAN TERHADAP AKTA HAKCIPTA 1987:  
ADAKAH IA DAPAT MENGATASI PERCANGGAHAN  
KEPENTINGAN DI ANTARA PENCIPTA DENGAN  
PENGGUNA BAHAN HAKCIPTA BAGI KARYA  
SASTERA?

PENKAJI: LEE CHEE FOONG.

SIDANG ILMIAH : 1987/88.

ARKIB

895  
2L477

PENGAJAJI: LEE CHEE FOONG.  
NO. MATRIK: 11963.  
PUSAT PENGAJIAN: KOMUNIKASI.  
PENGKHUSUSAN: KOMUNIKASI MASSA.  
TAHUN PENGAJIAN: EMPAT.  
SIDANG ILMIAH: 1987/88.  
PERKARA: LATIHAN ILMIAH.  
PENYELIA: ENCIK MANSOR AHMAD SAMAN.  
TAJUK KAJIAN: KAJIAN TERHADAP AKTA HAKCIPTA  
1987: ADAKAH IA DAPAT  
MENGATASI PERCANGBAHAN  
KEPENTINGAN DI ANTARA  
PENCIPTA DENGAN PENGGUNA  
BAHAN HAKCIPTA BAGI KARYA  
SASTERA?



## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kepada Encik Mansor Ahmad Saman, selaku penyelia latihan ilmiah ini di atas nasihat dan tunjukajar yang diberikan.

Di sini pengkaji juga ingin merakamkan terima kasih kepada Sdr. Young Chin Wee, Sdri Sheley Teoh dan Sdri Teng Li Keng kerana membantu menaip laporan latihan ilmiah ini.

## RANGKA LAPORAN LATIHAN ILMIAH

### BAB 1

#### MATLAMAT KAJIAN

Matlamat Utama.....	1
Matlamat Sampingan.....	1
PENGENALAN.....	1
Apakah Itu Hakcipta?.....	1
Peranan Hakcipta Di dalam Dunia Moden.....	4
TAAKULAN KAJIAN.....	12
SOALAN KAJIAN.....	13

### BAB 2

LATAR SEJARAH.....	15
Syarikat Stationers.....	22
Star Chamber.....	23
Akta Perlesenan 1662.....	25
Statut Queen Anne.....	29
Beberapa Akta Hakcipta Awal.....	31
PERLINDUNGAN HAKCIPTA ANTARABANGSA.....	35
Peruntukan Utama Berne dan UCC.....	39

### BAB 3

KAEDAH KAJIAN.....	42
Penjelasan Istilah.....	43
Kaedah Kajian	
Unit Cerakinan.....	48
Pemilihan Unit Cerakinan.....	48
Pencerakinan Kandungan Kualitatif.....	49
Kaedah Kajian.....	51

### BAB 4

#### TUJUAN BAB 4

a) Peruntukan Yang Memberi Hak dan Perlindungan	
Kepada Pencipta dan Pemilik Bahan Hakcipta.....	53
Kesimpulan.....	72
b) Syarat Akta Untuk Memberi Perlindungan	
Kepada Pencipta atau Pemegang Hakcipta	
Sesuatu karya.....	79
Kesimpulan.....	80
c) Peruntukan Yang Memberi Hak dan	
Perlindungan Kepada Pengguna Bahan Hakcipta.....	81
Kesimpulan.....	84
d) Peruntukan Yang Menghadkan Hak	
Pengguna Bahan Hakcipta.....	87
Kesimpulan.....	88

BAB

KESIMPULAN KAJIAN.....	89
CADANGAN UNTUK MENGATASI MASALAH HAKCIPTA.....	92
a) Cadangan Untuk Mengatasi Masalah Hakcipta Yang Terkandung Di dalam Akta Hakcipta 1987.....	92
b) Cadangan Bukan Bersifat Undang-undang Untuk Mengatasi Masalah Hakcipta.....	98
Kesimpulan.....	102
HAD KAJIAN.....	104
CADANGAN KAJIAN.....	105

Halaman 1

Halaman 2

Halaman 3

### BAB 1

Halaman 4

Halaman 5

Halaman 6

Halaman 7

Halaman 8

## Matlamat Kajian

### Matlamat utama:

Mengkaji sama ada Akta Hakcipta 1987 dapat mengatasi pencanggahan kepentingan di antara pengguna bahan hakcipta dengan pemilik hakcipta bagi karya sastera di Malaysia.

### Matlamat sampingan:

- 1) Mengenalpasti pelbagai peruntukan Akta Hakcipta 1987 yang memberi perlindungan kepada pemilik hakcipta dan pengguna bahan hakcipta.
- 2) Mengkaji sejauh manakah Akta Hakcipta 1987 dapat menggalakkan perkembangan penghasilan karya sastera pada masa akan datang.
- 3) Mengenalpasti kelebihan dan kelemahan Akta Hakcipta 1987.
- 4) Mencadangkan kaedah penyelesaian masalah hakcipta di Malaysia.

## Pengenalan

### Apakah itu hakcipta?

Secara umumnya, hakcipta adalah hak yang diberi oleh undang-undang sesebuah negara kepada seseorang penulis terhadap karyanya. Hak yang dimaksudkan adalah seperti hak pemilikan, penyimpanan, pemindaan, penggunaan dan sebagainya terhadap karya yang dicipta. (Sila rujuk bab 2 untuk huraian mengenai sejarah perkembangan hakcipta.)